

Kes dadah di Miri meningkat ketara

Posted on August 14, 2014, Thursday

Oleh Rosemaria Buma //

409 tangkapan hingga 10 Ogos, naik 31 peratus berbanding tahun lepas



Gan

MIRI: Sebanyak 374 kes melibatkan 409 tangkapan telah direkodkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri bagi tempoh 1 Januari hingga 10 Ogos lalu iaitu meningkat sebanyak 89 kes atau 31 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Gan Tian Kee berkata, peningkatan itu agak ketara dan amat membimbangkan berbanding tahun 2013 yang hanya merekodkan 285 kes dengan jumlah tangkapan seramai 308 orang.

“Statistik ini menunjukkan peningkatan yang agak ketara dan amat membimbangkan. Justeru, polis akan melakukan usaha berterusan untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah ini,” katanya di sini semalam.

Manakala dari segi pecahan kaum, katanya, tangkapan melibatkan kaum Cina merupakan yang tertinggi di Miri iaitu seramai 162 orang dan jumlah itu turut menunjukkan peningkatan sebanyak 42 peratus berbanding hanya 114 orang untuk tempoh yang sama tahun lepas.

Ini diikuti tangkapan membabitkan kaum Melayu yang seramai 124 orang, Iban (42) dan lain-lain kaum 81 orang.

Sementara itu, menurut Gan, dari segi rampasan, dadah jenis syabu masih lagi menjadi dadah yang paling banyak digunakan di Daerah Miri.

“Ini berdasarkan statistik rampasan yang direkodkan setakat ini menunjukkan dadah jenis syabu merupakan yang paling banyak dirampas iaitu sebanyak 311.15 gram berbanding hanya 84.44 gram untuk tempoh sama tahun lepas.

“Angka ini menunjukkan peningkatan amat ketara iaitu 268.5 peratus. Berbeza pula dengan rampasan ganja yang merekodkan penurunan 88 peratus iaitu hanya 110.05 gram berbanding 942.96 gram untuk tempoh sama pada 2013,” katanya.

Sehubungan itu, menurut Gan, secara tidak langsung, statistik ini menunjukkan trend penggunaan dadah jenis sintetik semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Beliau menambah, dalam tempoh kajian juga seramai 66 orang telah ditangkap di bawah Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 berbanding hanya 42 orang untuk tempoh sama tahun lepas iaitu meningkat 57 peratus.

Katanya, kesemua mereka ini telah diantar untuk menjalani pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).